



Ruj.Kami : PKP(S)124-1/28 Jld.6(15)

Tarikh : 19 Ogos 2019
18 Zulhijjah 1440H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Yang Berbahagia Datuk/Datu/ Dato'/Dr./Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN BAGI PENYELARASAN ITEM YANG DIGUGURKAN DARIPADA SENARAI KONTRAK PUSAT PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK

PENDAHULUAN

Sukacita saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan sebagaimana Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan pemantauan Kontrak Pusat di Negeri Sarawak.

2. Item yang digugurkan daripada senarai kontrak pusat dan tidak dilanjutkan setelah tamat tempoh kontrak ialah **Kontrak Pusat Bagi Membuat, Membekal dan Menghantar kasut Kulit Dan Aksesori Kepada Jabatan Persekutuan Dan badan Berkanun Persekutuan Di Sarawak – Syarikat Red Profile Sdn Bhd.**

3. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil maklum mengenai pengguguran item kasut bagi tujuan perancangan perolehan pada masa akan datang.

4. Pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan dinasihatkan untuk melaksanakan perolehan bagi item kasut berdasarkan Tatacara Perolehan serta Peraturan Kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa. Pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan dipohon untuk merujuk Pekeliling Perbendaharaan - PK2.1 sebelum melaksanakan sebarang perolehan.


5. Kerjasama dari semua Jabatan/Agensi diharap dapat mengambil maklum akan pengguguran item ini dan sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau masalah, pihak Y.Bhg. Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi terus PM Sarawak seperti di alamat di atas atau melalui telefon/emel seperti berikut:-

- (i) Pn. Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi – 082-421333 samb.500
Emel: arfahiza.junaidi@treasury.gov.my
- (ii) Pn Sharifah Nur Salikin Bt. Wan Habib Sabli – 082-421333 samb. 502
Emel: salikin.sabli@treasury.gov.my.
- (iii) Seksyen Perolehan – 082-421333 samb. 501

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak

s.k.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Sarawak
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sri Aman
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sarikei
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kapit
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sibu
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Bintulu
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Miri
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Limbang